



# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

## PEKELILING REKTOR

### Bilangan 08 Tahun 2018

Semua Siswa/i Non Residen  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara/i

#### **ARAHAN MEWAJIBKAN SISWA/I NON RESIDEN UiTM CAWANGAN PULAU PINANG UNTUK MENDAFTARKAN DIRI SECARA ATAS TALIAN SISTEM (e-NR)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Sistem e-NR adalah sistem pangkalan data pelajar Non Residen yang diperolehi dari Sistem (FAIS) dan pendaftaran secara atas talian oleh pelajar melalui sistem e-HEP di portal pelajar. Namun, dukacitanya di UiTM Cawangan Pulau Pinang masih terdapat siswa/i yang ingkar dan mengelak daripada mendaftarkan diri secara atas talian sistem (e-NR) sebagai pelajar Non Residen sedangkan ia amat penting terutamanya apabila melibatkan kes kecemasan dan kebajikan pelajar berkaitan.


3. Sehubungan itu, dengan ini **DIWAJIBKAN kepada semua siswa/i yang menginap di luar dari Kolej Kediaman mendaftarkan diri sebagai pelajar Non Residen secara atas talian sistem (e-NR) selewat-lewatnya 16 Disember 2018, Ahad.** Pendaftaran secara atas talian juga boleh dibuat di Pejabat Pengurusan Kolej Kompleks Siswi di Pusat Kemudahan Pelajar Kristal.

4. Arahan ini hendaklah difahami dengan sepenuhnya. Jika terdapat sebarang masalah, siswa/siswi hendaklah mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak Pengurusan *Non Residen*. Melanggar arahan dengan alasan tidak tahu, tidak faham atau terlupa tidak dapat diterima. Pengurusan UiTM Cawangan Pulau Pinang memandang serius perkara ini dan tindakan tegas bakal dikenakan kepada mana – mana siswa/i yang ingkar dengan arahan ini.

5. Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

  
**PROF. MADYA Ts. DR. MOHD HISBANY MOHD HASHIM**  
Rektor

Surat Kami : 100-UiTMPP(HEP/UPKNR.6/7/1)  
Tarikh : 4 Disember 2018